



KENYATAAN MEDIA

AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2020

Sumbangan TMK kepada ekonomi terus meningkat kepada RM320.0 bilion pada tahun 2020 dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit sebanyak 10.4 peratus

PUTRAJAYA, 15 Oktober 2021 – Penularan COVID-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 31 Januari 2020 telah menjaskankan aktiviti ekonomi dan sosial susulan daripada pelaksanaan perintah kawalan pergerakan. Namun begitu, pada masa yang sama situasi ini telah memberi manfaat kepada industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) yang dapat dilihat melalui pertumbuhan ekonomi digital. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan hari ini semasa mengumumkan penemuan Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2020. Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin dalam kenyataannya menjelaskan, TMK menyumbang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), merangkumi Nilai Ditambah Kasar Industri Teknologi Maklumat dan Komunikasi (NDKTMK), 14.2 peratus dan e-dagang bagi industri lain, 8.4 peratus. Sumbangan TMK kepada ekonomi terus meningkat kepada RM320.0 bilion pada tahun 2020 dengan mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 10.4 peratus jika dibandingkan dengan 7.3 peratus pada tahun sebelumnya.

“Pertumbuhan positif ini selari dengan fokus utama kerajaan dalam pemerkasaan ekonomi digital yang akan mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) bagi memulihkan pertumbuhan negara menjangkaui pandemik COVID-19,” kata Ketua Perangkawan.

Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Jumaat, 15 Oktober 2021

Sementara itu, NDKTMK mencatatkan nilai RM201.6 bilion dengan pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu 3.3 peratus pada tahun 2020 berbanding 6.6 peratus pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh penyusutan dalam industri kandungan & media dan perdagangan TMK dengan masing-masing mencatatkan 11.7 peratus dan 4.9 peratus. Walau bagaimanapun, industri pembuatan TMK dan perkhidmatan TMK terus menyokong pertumbuhan NDKTMK masing-masing dengan 5.9 peratus dan 6.7 peratus.

Mengulas lebih lanjut mengenai laporan tersebut, Ketua Perangkawan berkata, "Nilai Ditambah Kasar e-dagang meningkat kepada RM163.3 bilion pada tahun 2020 daripada RM129.2 bilion yang dilaporkan pada tahun lalu, melonjak sebanyak 26.5 peratus (2019: +10.0%). Buat pertama kalinya sejak penyusunan ASTMK, e-dagang merekodkan sumbangan dua digit sebanyak 11.5 peratus kepada KDNK pada tahun 2020. Sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama kepada Nilai Ditambah Kasar e-dagang dengan sumbangan 54.5 peratus diikuti oleh sektor Perkhidmatan dengan 41.7 peratus. Pelaksanaan pelbagai fasa kawalan pergerakan bagi membendung penularan COVID-19 dan penutupan sektor ekonomi bukan *essential* telah mendorong pengguna untuk meningkatkan pembelian secara dalam talian, seterusnya mempercepatkan pertumbuhan pasaran e-dagang di Malaysia."

Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin turut melaporkan guna tenaga dalam industri TMK pada tahun 2020 berjumlah 1.16 juta orang yang menyumbang sebanyak 7.7 peratus kepada keseluruhan guna tenaga. Industri pembuatan TMK merupakan penyumbang utama dengan 35.3 peratus diikuti oleh perkhidmatan TMK (29.5%) dan perdagangan TMK (21.7%).


Beliau turut mengulas, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada ekonomi kita terutamanya Industri Pelancongan. Ini dapat dilihat melalui penemuan daripada Akaun Satelit Pelancongan 2020 di mana Industri Pelancongan merekodkan penyusutan dua-digit 17.1 peratus. Sumbangan industri ini kepada KDNK adalah 14.1 peratus dan nilai ini menyamai prestasi yang telah direkodkan pada tahun 2015. Sebaliknya, prestasi Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah memberikan impak positif kepada ekonomi. Pertumbuhan ekonomi digital telah berkembang dengan peningkatan penggunaan teknologi yang mana perusahaan juga

Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Jumaat, 15 Oktober 2021

telah beralih dari secara tradisional kepada digital dan platform e-dagang. Oleh itu, dapat dilihat bahawa industri TMK menunjukkan perkembangan yang positif walaupun negara berhadapan dengan cabaran yang getir berikutan pandemik COVID-19.


Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) masih dilaksanakan di seluruh Negara sehingga 31 Oktober 2021 secara bersempena dengan pematuhan Standard Operating Procedure (SOP) yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) akan dilaksanakan pada November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Sumbangan TMK kepada ekonomi, 2015-2020




Embargo: Hanya boleh diterbit atau disebarluaskan pada jam 1200, Jumaat, 15 Oktober 2021

Carta 2: Nilai Ditambah Kasar E-dagang dan perubahan peratusan tahunan, 2015-2020



Carta 3: Guna Tenaga Dalam Industri TMK, 2015-2020



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

15 OKTOBER 2021



MEDIA STATEMENT

INFORMATION AND COMMUNICATION TECHNOLOGY SATELLITE ACCOUNT 2020

The contribution of ICT to the economy continued to expand at RM320.0 billion in 2020 registered a double-digit growth of 10.4 per cent

PUTRAJAYA, 15 October 2021 – The outbreak of COVID-19 which has been declared as a pandemic by the World Health Organization (WHO) on 31 January 2020 has affected economic and social activities following the implementation of the movement control order. However, at the same time, this situation has benefited the Information and Communication Technology (ICT) industry which can be seen through the growth of the digital economy. The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported today while announcing the findings of the Information and Communication Technology Satellite Account 2020. In his statement, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that ICT contributed 22.6 per cent to the Gross Domestic Product (GDP), comprises of Gross Value Added of ICT industry (GVAICT), 14.2 per cent and e-commerce of other industries, 8.4 per cent. The contribution of ICT to the economy continued to expand at RM320.0 billion in 2020 registered a double-digit growth of 10.4 per cent when compared to 7.3 per cent in the previous year.

“This positive growth is in line with the government's main focus on empowering the digital economy which will strengthen the country's economic growth under the Twelfth Malaysia Plan, 2021-2025 (Twelfth Plan) to restore the country's growth beyond the COVID-19 pandemic,” said the Chief Statistician.

Meanwhile, the GVAICT registered a value of RM201.6 billion with slower growth of 3.3 per cent in 2020 as against 6.6 per cent in the preceding year. This was attributed

to the decline in content & media and ICT trade industries with 11.7 per cent and 4.9 per cent respectively. However, the ICT manufacturing and ICT services industries continued to support the growth of GVAICT with 5.9 per cent and 6.7 per cent respectively.

Further describing the report, Chief Statistician stated, “Gross Value Added of e-commerce increased to RM163.3 billion in 2020 from RM129.2 billion reported last year, surged 26.5 per cent (2019: +10.0%). For the first time since the ICTSA compilation, e-commerce recorded a double-digit contribution of 11.5 per cent to the GDP in 2020. The Manufacturing sector remained as the major contributor to the Gross Value Added to e-commerce with a share of 54.5 per cent followed by the Services sector with 41.7 per cent. The implementation of various phases of movement control to curb the spread of COVID-19 and the closure of non-essential economic sectors has prompted consumers to speed up online shopping, which in turn accelerated the e-commerce market growth in Malaysia.”

Dato’ Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin also reported that employment in the ICT industry in 2020 amounted to 1.16 million persons which contributed 7.7 per cent to total employment. ICT manufacturing industry was the main contributor with 35.3 per cent followed by ICT services (29.5%) and ICT trade (21.7%).

He also commented that the COVID-19 pandemic has impacted our economy, especially on Tourism Industry. This is reflected by the findings from the Tourism Satellite Account 2020 where the Tourism Industry has recorded a double digit decline of 17.1 per cent. The share of this industry to GDP was 14.1 per cent and this value is similar to the performance recorded in 2015. In contrast, the performance of Information and Communication Technology Satellite Account (ICTSA) has contributed a positive impact on the economy. The growth of the digital economy has grown with the intensification of technological usage as well as the shift from traditional enterprise to digital and e-commerce platforms. Thus, it can be seen that the ICT industry has shown positive growth despite the country facing bitter challenges following the COVID-19 pandemic.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing nationwide until 31st October 2021 through the face-to-face method with the compliance of Standard Operating Procedure (SOP) implemented by Majlis Keselamatan Negara (MKN). The process of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) will be conducted subsequently in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1: ICT Contribution to Economy, 2015-2020




Chart 2: Gross Value Added of e-commerce and annual percentage change, 2015-2020





Chart 2: Employment in the ICT Industry, 2015-2020



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

15 OCTOBER 2021